



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/2021**

**PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN NEGERI UNTUK MAKSUD
PERSEKUTUAN**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2021**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 7/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 7/2021

Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Untuk Maksud Persekutuan

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung pemberimilikan tanah kerajaan untuk maksud Persekutuan.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Fasal (1) Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tanah di suatu Negeri, yang bukannya tanah beri hakmilik, dikehendaki bagi maksud Persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri itu, mengkehendaki Kerajaan Negeri itu, dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu untuk menyebabkan mana-mana tanah sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan diberikan kepada Persekutuan atau kepada mana-mana pihak berkuasa Awam sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan.
3. Seterusnya, Fasal (2) Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan lagi bahawa Kerajaan Negeri hendaklah memberikan tanah kerajaan yang diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan Fasal (1) Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan untuk selama-lamanya dan tanpa sekatan tentang kegunaan tanah tersebut tetapi hendaklah tertakluk kepada pembayaran cukai tanah yang dibayar setiap tahun dan Kerajaan Persekutuan membayar kepada negeri suatu premium yang sama banyak dengan nilai pasaran bagi pemberian tersebut.
4. Selaras dengan Fasal (1) Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan, tanah-tanah di sesebuah negeri yang dirizabkan bagi maksud Persekutuan, Kerajaan Persekutuan boleh mengkehendaki Kerajaan Negeri dan kemudiannya menjadi kewajipan Kerajaan Negeri untuk memberikan tanah tersebut kepada Kerajaan Persekutuan untuk selama-lamanya tanpa sekatan tentang kegunaan tanah itu tertakluk kepada pembayaran premium yang hendaklah ditentukan mengikut Fasal (2) Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan dan kepada pembayaran cukai tanah oleh Kerajaan Persekutuan setiap tahun.
5. Selanjutnya, Fasal (2) Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan nilai pasaran premium tanah yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan adalah ditolak daripada nilai pasaran bagi apa-apa

pemajuan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di atas tanah tersebut bagi maksud Persekutuan dan jika ada apa-apa kos pengambilan tanah tersebut yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka.

6. Konteks pemberian tanah yang dimaksudkan dalam perenggan 2 hingga 5 di atas adalah merujuk kepada pemberimilikan kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan seksyen 76(aa)(i) Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828]. Maka pemberimilikan tersebut perlulah dalam bentuk pegangan selama-lamanya tanpa dikenakan kategori, syarat nyata atau sekatan kepentingan. Hakmilik bagi pihak Kerajaan Persekutuan hendaklah didaftarkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang merupakan entiti yang memegang aset tidak alih bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

7. Menurut Fasal (1) dan Fasal (2) Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan, pemberimilikan kepada Kerajaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri perlulah dirundingi dan kadar premium yang perlu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan adalah harga pasaran. Selaras dengan itu, rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah wujud melalui platform Majlis Tanah Negara selaras dengan Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan keputusan Majlis Tanah Negara ke-49 pada tahun 1994 yang selaras dengan Fasal (5) Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan, telah diputuskan bahawa sesuatu dasar yang dipersetujui bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi tanah-tanah yang diberimilik bagi maksud Persekutuan perlulah mengikuti kadar premium seperti berikut:-

- i. Kerajaan Persekutuan dikenakan premium $\frac{1}{4}$ harga pasaran bagi projek yang memberi faedah sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri;
- ii. Kerajaan Persekutuan dikenakan premium $\frac{1}{2}$ harga pasaran bagi projek yang memberi faedah bersama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri; dan
- iii. Kerajaan Persekutuan dikenakan premium harga pasaran bagi projek yang memberi faedah sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan.

8. Majlis Tanah Negara ke-52 tahun 1996 telah memutuskan bahawa bagi pemberimilikan tanah-tanah bagi projek lebuhraya, premium tanah bagi tapak-tapak yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan melalui kaedah pengambilan tanah selaras dengan Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] dimana pampasan pengambilan telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan adalah dipersetujui sebanyak RM10.00 setiap hakmilik. Majlis Tanah Negara ke-53 tahun 1997 juga telah memutuskan bahawa tanah-tanah Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan bagi tapak-tapak sekolah dikenakan kadar premium tanah sebanyak RM 1,000.00 bagi setiap hakmilik. Kadar ini adalah tidak termasuk tanah-tanah yang diambil balik oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan perbelanjaannya sendiri.

9. Seterusnya, Majlis Tanah Negara ke-55 tahun 1999 juga memutuskan bahawa mana-mana tapak-tapak Bomba yang masih di bawah Kerajaan Tempatan yang telah beroperasi sebelum tahun 1976, tapak-tapak tersebut perlulah diletakkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan premium tanah tersebut adalah sebanyak RM1,000.00 dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Kadar premium bagi tanah-tanah untuk tujuan perkhidmatan Bomba selepas tahun 1976 pula hendaklah mengikut kadar premium sepertimana di perenggan 7 (i) –(ii) di atas.

PEMBATALAN

9. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 23 Tahun 1974 bertajuk Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Untuk Maksud Persekutuan adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (10)

Tarikh : **31** Disember 2021